



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN

MONTHLY EXTERNAL TRADE STATISTICS



2026
FEBRUARI
FEBRUARY

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN
*MONTHLY EXTERNAL TRADE STATISTICS***

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung **dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwitahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
E-mel / *E-mail* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Mac 2025 / *Published in March 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 1394 – 908X

KANDUNGAN
CONTENTS

I	Ringkasan Penemuan Summary of Findings	1
II	Jadual Statistik Statistical Tables	
1	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK, IMPORT, JUMLAH DAGANGAN DAN IMBANGAN DAGANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS, IMPORTS, TOTAL TRADE AND BALANCE OF TRADE (RM MILLION)</i>	23
2 (a)	EKSPORT - DATA ASAL & PELARASAN MUSIM (RM JUTA) <i>EXPORTS - ORIGINAL DATA & SEASONALLY ADJUSTED (RM MILLION)</i>	24
2 (b)	IMPORT - DATA ASAL & PELARASAN MUSIM (RM JUTA) <i>IMPORTS - ORIGINAL DATA & SEASONALLY ADJUSTED (RM MILLION)</i>	25
3	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK DAN IMPORT MENGIKUT SEKSYEN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS AND IMPORTS BY COMMODITY SECTIONS (RM MILLION)</i>	26
4	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK DAN IMPORT MENGIKUT BAHAGIAN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS AND IMPORTS BY COMMODITY DIVISIONS (RM MILLION)</i>	27
5	KADAR PERTUMBUHAN EKSPORT DAN IMPORT BAGI NEGARA TERPILIH <i>EXPORTS AND IMPORTS GROWTH RATES FOR SELECTED COUNTRIES</i>	33
6	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT NEGARA (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY COUNTRY (RM MILLION)</i>	34
7	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT KUMPULAN EKONOMI (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY ECONOMICS GROUPING (RM MILLION)</i>	39
8	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT SEKTOR DAN BARANGAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY SECTOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	41
9	EKSPORT BARANGAN UTAMA DAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORT OF MAJOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	43
10	IMPORT BARANGAN UTAMA DAN TERPILIH (RM JUTA) <i>IMPORT OF MAJOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	48

11	EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT MOD PENGANGKUTAN BAGI SALURAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY MODE OF TRANSPORT FOR SELECTED CHANNELS (RM MILLION)</i>	54
12	EKSPORT DAN IMPORT NEGERI MENGIKUT PINTU KELUAR DAN MASUK (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY STATE BASED ON EXIT AND ENTRY POINTS (RM MILLION)</i>	55
13	EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT LOKASI (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY LOCATION (RM MILLION)</i>	57
14	PERDAGANGAN LANGSUNG LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN DENGAN DAN MELALUI SINGAPURA (EKSPORT, IMPORT, DAN IMBANGAN PERDAGANGAN) (RM JUTA) <i>DIRECT FOREIGN TRADE AND TRADE WITH AND VIA SINGAPORE (EXPORTS, IMPORTS, AND BALANCE OF TRADE) (RM MILLION)</i>	58
15	EKSPORT BARANGAN MENGIKUT KLASIFIKASI KATEGORI EKONOMI UMUM (RM JUTA) <i>EXPORTS OF COMMODITIES BY BROAD ECONOMIC CATEGORIES CLASSIFICATIONS (RM MILLION)</i>	59
16	IMPORT BARANGAN MENGIKUT KLASIFIKASI KATEGORI EKONOMI UMUM (RM JUTA) <i>IMPORTS OF COMMODITIES BY BROAD ECONOMIC CATEGORIES CLASSIFICATIONS (RM MILLION)</i>	61
17	IMPORT MENGIKUT PENGGUNAAN AKHIR (RM JUTA) <i>IMPORTS BY END USE (RM MILLION)</i>	63
18	EKSPORT PRODUK HALAL MENGIKUT PENGKELASAN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS OF HALAL PRODUCTS BY COMMODITY CLASSIFICATION (RM MILLION)</i>	65
19	PURATA KADAR PERTUKARAN, 2015 – 2024 <i>AVERAGE EXCHANGE RATES, 2015 - 2024</i>	66
20	TARIKH PENGELUARAN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI, JANUARI – DISEMBER 2024 <i>RELEASE DATES FOR EXTERNAL TRADE STATISTICS, JANUARY – DECEMBER 2024</i>	67



BAHAGIAN I

RINGKASAN
SUMMARY

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA 2026

FEBRUARI

3 RAKANDAGANGAN UTAMA

Eksport	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan
RM131.0 bil ▲ 10.8%	RM114.2 bil ▲ 8.2%	RM245.2 bil ▲ 9.5%	RM16.7 bil ▲ 32.5%

Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia
Februari 2025 – Februari 2026 (RM bilion)



1 CHINA	RM14.9 bil ▲ 13.2%	RM28.3 bil ▲ 27.3%
2 AMERIKA SYARIKAT	RM24.9 bil ▲ 42.3%	RM8.1 bil ▼ 18.0%
3 SINGAPURA	RM15.2 bil ▼ 17.1%	RM11.4 bil ▼ 5.6%

IMPORT BAGI KLASIFIKASI EKONOMI UMUM & PENGGUNAAN AKHIR



Barangan Perantara
RM59.2 bil
▲ 0.8%

51.8%



Barangan Modal
RM15.9 bil
▲ 15.4%

14.0%



Barangan Penggunaan
RM9.2 bil
▲ 1.5%

8.1%

PRESTASI EKSPORT & IMPORT BAGI SEKTOR



DAGANGAN DENGAN ASEAN



Eksport	Import
RM31.3 bil ▼ 9.4%	RM24.9 bil ▼ 0.9%
SUMBANGAN ASEAN: 22.9%	

Nota
1. ▲ ▼ Semua perubahan adalah berdasarkan perbandingan tahun ke tahun.
2. Data bulan Februari 2026 adalah data awalan dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.
3. Laporan ini boleh diperolehi daripada laman portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) di bawah ruangan: Siaran Terkini.

Sumber : Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan, Februari 2026
Jabatan Perangkaan Malaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, FEBRUARI 2026


Prestasi perdagangan luar negeri Malaysia kekal kukuh pada Februari 2026 apabila jumlah perdagangan barangan meningkat 9.5 peratus atau RM21.3 bilion kepada RM245.2 bilion, berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Eksport meningkat 10.8 peratus atau RM12.7 bilion kepada RM131.0 bilion, manakala import bertumbuh 8.2 peratus atau RM8.6 bilion kepada RM114.2 bilion, tahun ke

tahun. Susulan itu, imbalan dagangan negara bernilai RM16.7 bilion mencatat lebihan, dengan peningkatan RM4.1 bilion berbanding Februari 2025.

Perbandingan bulanan menunjukkan penyusutan bagi eksport, import, jumlah dagangan dan imbalan dagangan, masing-masing turun 10.8 peratus, 8.5 peratus, 9.8 peratus dan 23.9 peratus berbanding Januari 2026.

Carta 1: Prestasi Perdagangan: Bulanan, Suku Tahunan & Tahunan



EKSPORT

Prestasi eksport Malaysia kekal positif pada Februari 2026

Prestasi Eksport


Eksport terus mengekalkan pertumbuhan positif 10.8 peratus atau RM12.7 bilion untuk mencecah nilai RM131.0 bilion, tahun ke tahun.

Pertumbuhan memberangsangkan eksport dilihat selari dengan kenaikan dalam kedua-dua eksport semula dan eksport domestik. Eksport semula yang bernilai RM26.6 bilion dengan sumbangan 20.3 peratus kepada jumlah eksport, meningkat 24.8 peratus atau RM5.3 bilion. Eksport domestik turut meningkat


7.7 peratus atau RM7.4 bilion kepada RM104.3 bilion dan menyumbang 79.7 peratus kepada jumlah eksport.

Sementara itu, perbandingan bulanan menunjukkan eksport menurun sebanyak 10.8 peratus atau RM15.9 bilion. Berdasarkan analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport turut menyusut 6.2 peratus kepada RM145.6 bilion.

Carta 2: Eksport Domestik, Eksport Semula (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 3: Nilai Eksport Asal dan Nilai Eksport Pelarasan Musim, RM bilion



Prestasi Eksport mengikut Negara Destinasi Utama


Amerika Syarikat dan Singapura merupakan negara destinasi utama dengan jumlah sumbangan 30.6 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada Februari 2026.

Amerika Syarikat mendominasi negara destinasi utama dengan nilai RM24.9 bilion dan menyumbang 19.0 peratus kepada jumlah eksport Malaysia, meningkat 42.3 peratus atau RM7.4 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan ini berikutan eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik & elektronik (+RM6.5 bilion, +61.1%), barangan perkilangan lain (+RM1.1 bilion, +73.4%) dan kelengkapan optik & saintifik (+RM311.3 juta, +38.6%).

Nilai eksport ke Singapura menyumbang 11.6 peratus kepada jumlah eksport bernilai RM15.2 bilion, jatuh 17.1 peratus atau RM3.1 bilion. Kejatuhan tersebut didorong oleh eksport yang lebih rendah bagi keluaran petroleum (-RM1.3 bilion, -49.4%) dan barangan elektrik & elektronik (-RM925.8 juta, -10.8%).

Lapan daripada sepuluh negara destinasi utama eksport menunjukkan pertumbuhan positif, iaitu Amerika Syarikat, China, Kesatuan Eropah, Hong Kong, Taiwan, Thailand, Viet Nam dan Republik Korea. Namun begitu, eksport ke Singapura dan Jepun merekodkan penurunan.

Carta 4: Perubahan Tahunan Eksport bagi Negara Destinasi Utama, Februari 2025 dan Februari 2026



Eksport ke Negara ASEAN


Eksport ke negara ASEAN, mewakili 23.9 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada Februari 2026. Ia mencatatkan nilai RM31.3 bilion, menyusut 9.4 peratus daripada RM34.6 bilion pada bulan yang sama tahun lepas.

Pengurangan ini disumbangkan terutamanya oleh eksport keluaran petroleum (-RM1.8 bilion,

-31.2%), kimia & bahan kimia (-RM438.8 juta, -18.0%) dan jentera, kelengkapan & peralatan (-RM279.1 juta, -10.4%).

Dalam kalangan negara ASEAN, Singapura merupakan destinasi eksport utama dengan sumbangan 53.1 peratus, merekodkan penurunan secara marginal 17.1 peratus atau RM3.1 bilion berbanding Februari 2025.

Carta 5: Peratusan Sumbangan Eksport ke Negara ASEAN, Februari 2026



Prestasi Eksport mengikut Sektor Ekonomi


Eksport barangan perkilangan kekal sebagai komponen penting daripada jumlah eksport pada Februari 2026, menyumbang 87.2 peratus, mencatatkan peningkatan 12.8 peratus atau RM12.9 bilion kepada RM114.2 bilion, tahun ke tahun. Penyumbang utama kepada peningkatan ialah eksport barangan elektrik & elektronik (+RM13.5 bilion, +28.5%), produk perkilangan lain (+RM3.0 bilion, +59.7%) dan barangan optik & saintifik (+RM2.0 bilion, +42.9%).

Eksport produk pertanian yang menyumbang 5.5 peratus daripada jumlah eksport

mencatatkan penyusutan 16.4 peratus kepada RM7.2 bilion. Pengurangan ini disebabkan oleh penurunan eksport produk minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak sawit (-RM863.6 juta, -13.7%) dan keluaran pertanian lain (-RM248.0 juta, -22.4%).

Eksport perlombongan yang menyumbang 6.2 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 12.3 peratus daripada RM7.2 bilion kepada RM8.1 bilion. Pengembangan ini didorong terutamanya oleh pertambahan eksport bijih logam & sekerap logam (+RM2.4 bilion, +443.7%).

Paparan 1: Eksport mengikut Sektor, Februari 2025 dan Februari 2026



Eksport mengikut Produk Utama Terpilih

Prestasi eksport menunjukkan pertumbuhan pada Februari 2026 bagi produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik menyumbang 46.4 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM13.5 bilion atau 28.5 peratus kepada RM60.8 bilion.
- Petroleum mentah menyumbang 0.9 peratus daripada jumlah eksport, naik RM72.4 juta atau 6.4 peratus kepada

RM1.2 bilion. Ini sejajar dengan kenaikan volum eksport sebanyak 39.1 peratus, namun nilai purata seunit mencatatkan penurunan 23.5 peratus. Harga minyak Brent pada Februari 2026 turut merekodkan penyusutan kepada RM278.40 setong (-16.6%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.


Walau bagaimanapun, penurunan telah direkodkan untuk produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis, yang menyumbang 5.0 peratus daripada jumlah eksport, menurun RM2.1 bilion atau 24.2 peratus kepada RM6.5 bilion sejajar dengan penurunan volum eksport (-4.8%) dan nilai purata seunit (-20.4%);
- Gas asli cecair menyumbang 2.6 peratus daripada jumlah eksport, mengalami pengurangan RM1.3 bilion atau 27.3 peratus kepada RM3.5 bilion, sejajar dengan pengurangan purata nilai seunit (19.6%) dan volum eksport (9.6%);
- Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit, menyumbang 6.5 peratus daripada jumlah eksport, menyusut RM919.4 juta atau 9.7 peratus kepada RM8.6 bilion. Eksport minyak sawit, komoditi utama dalam kumpulan produk ini turut mencatatkan penurunan RM877.9 juta atau 16.4 peratus. Walaupun volum eksport

meningkat 0.2 peratus, nilai purata seunit mencatatkan penurunan 16.6 peratus. Di samping itu, harga domestik minyak sawit mentah berkurang 14.3 peratus kepada RM4,077.50 setiap tan metrik;

- Kayu & hasil keluaran kayu susut 23.9 peratus atau RM408.2 juta kepada RM1.3 bilion, menyumbang 1.0 peratus kepada jumlah eksport; dan
- Getah asli mewakili 0.2 peratus daripada jumlah eksport, berkurang 47.0 peratus atau RM231.3 juta kepada RM260.8 juta. Ini selaras dengan penurunan 38.2 peratus dalam volum eksport dan purata nilai seunit susut 14.2 peratus. Selain itu, harga getah (SMR20) juga mengalami penurunan daripada RM906.00 kepada RM770.00 (-15.0%).

Paparan 2: Eksport Produk Utama Terpilih, Februari 2025 dan Februari 2026



Nota: Sumbangan Februari 2026 Februari 2025

IMPORT

Import barangan modal mengukuh dengan pertumbuhan dua digit pada Februari 2026


Prestasi Import

Import Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan dengan peningkatan 8.2 peratus atau RM8.6 bilion pada Februari 2026. Peningkatan ini menjadikan jumlah import mencecah RM114.2 bilion berbanding nilai yang dicatatkan pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Perbandingan bulanan menunjukkan import menurun 8.5 peratus atau RM10.6 bilion.


Pada asas tahun ke tahun, import mengikut Penggunaan Akhir mencatatkan pengukuhan positif bagi barangan modal (+RM2.1 bilion, +15.4%), barangan perantaraan (+RM474.5 juta, +0.8%) dan barangan penggunaan (RM136.7 juta, +1.5%).

Merujuk kepada analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, import meningkat 2.2 peratus kepada RM127.9 bilion.

Carta 6: Import Nilai (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 7: Nilai Import Asal dan Nilai Import Pelarasan Musim, RM bilion



Prestasi Import Mengikut Negara Asal Utama


China dan Taiwan merupakan dua negara asal utama bagi import Malaysia pada Februari 2026, menyumbang 35.8 peratus kepada jumlah import.

Import dari China yang mewakili 24.8 peratus daripada jumlah import Malaysia, meningkat 27.3 peratus berbanding tahun sebelum kepada RM28.3 bilion. Kenaikan import dari China dipengaruhi oleh penambahan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM2.6 bilion, +25.0%), barangan perkilangan logam (+RM792.8 juta, +69.8%) dan jentera, kelengkapan & alat ganti (+RM738.5 juta, +25.9%).

Import dari Taiwan bernilai RM12.5 bilion, merangkumi 11.0 peratus daripada jumlah import, meningkat 36.4 peratus atau RM3.3 bilion tahun ke tahun. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh penambahan import barangan elektrik dan elektronik, yang meningkat sebanyak RM3.2 bilion atau 41.5 peratus.

Perubahan tahunan import dari tujuh negara asal utama mencatatkan peningkatan, manakala import dari Singapura, Amerika Syarikat dan Indonesia menyusut berbanding bulan yang sama tahun lepas.

Carta 8: Perubahan Tahunan Import bagi Negara Asal Utama, Februari 2025 dan Februari 2026



Import dari Negara ASEAN


Import dari negara ASEAN meliputi 21.8 peratus daripada jumlah import, menurun 0.9 peratus pada Februari 2026 kepada RM24.9 bilion berbanding RM25.1 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Penyusutan tersebut didorong terutamanya oleh import yang lebih rendah bagi barangan

keluaran petroleum (-RM612.3 juta, -17.5%), hasil galian lain (-RM449.1 juta, -44.0%) dan kimia & bahan kimia (-RM421.0 juta, -25.4%).

Dalam kalangan negara ASEAN, 46.1 peratus import adalah dari Singapura, menyusut 5.6 peratus daripada RM12.1 bilion kepada RM11.4 bilion.

Carta 9: Peratusan Sumbangan Import dari Negara ASEAN, Februari 2026



Prestasi Import Mengikut Sektor Ekonomi


Import barangan perkilangan (87.1% daripada jumlah import), bertambah 15.1 peratus daripada RM86.5 bilion kepada RM99.5 bilion. Prestasi ini dipacu oleh import barangan elektrik & elektronik yang lebih tinggi (+RM13.3 bilion, +36.3%), jentera, kelengkapan & alat ganti (+RM629.4 juta, +7.2%) dan barangan optik & saintifik (+RM612.5 juta, +25.1%).

Import keluaran pertanian (5.2 peratus daripada jumlah import) menyusut 26.0 peratus kepada RM6.0 bilion, didorong terutamanya oleh import yang lebih rendah bagi keluaran pertanian lain

(-RM1.8 bilion, -30.8%), getah asli (-RM334.1 juta, -37.9%) dan minyak sayuran lain (-RM25.9 juta, -5.3%).

Sementara itu, import hasil perlombongan (5.0% daripada jumlah import) bernilai RM5.7 bilion pada Februari 2026, menyusut 37.2 peratus atau RM3.4 bilion berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah kesan daripada pengurangan ketara dalam import petroleum mentah (-RM3.3 bilion, -66.2%), hasil galian lain (-RM789.2 juta, -50.3%) dan gas asli cecair (-RM622.4 juta, -58.5%).

Paparan 3: Import mengikut Sektor, Februari 2025 dan Februari 2026



Import mengikut Produk Utama Terpilih


Import kekal meningkat pada Februari 2026 didorong oleh pertambahan produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik (39.9% daripada jumlah import), berkembang 36.3 peratus atau RM13.3 bilion kepada RM49.8 bilion; dan
- Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti (2.0% daripada jumlah import), mengukuh 4.0 peratus atau RM99.1 juta kepada RM2.6 bilion.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan negatif direkodkan bagi produk berikut:

- Petroleum mentah yang menyumbang 1.3 peratus kepada jumlah import, menyusut RM3.3 bilion atau 66.2 peratus seiring dengan penurunan dalam nilai purata seunit (-20.1%) dan volum import (-57.8%); dan
- Keluaran petroleum bertapis, merangkumi 5.5 peratus daripada jumlah import, berkurang RM798.3 juta atau 10.4 peratus, konsisten dengan penyusutan dalam nilai purata seunit (-24.6%). Walau bagaimanapun, volum import meningkat 18.9 peratus.

Paparan 4: Import Produk Utama Terpilih, Februari 2025 dan Februari 2026



Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum

Import meningkat 8.2 peratus kepada RM114.2 bilion, dengan tiga kategori utama import mengikut Penggunaan Akhir yang menyumbang 73.8 peratus kepada jumlah import adalah seperti berikut:


Barangan perantara, bernilai RM59.2 bilion atau 51.8 peratus daripada jumlah import, meningkat 0.8 peratus berikutan peningkatan import alat ganti & aksesori barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan) (+RM6.1 bilion, +29.4%), bekalan perindustrian, t.s.t.l, diproses (+RM1.3 bilion, +7.4%) dan bekalan perindustrian, t.s.t.l, utama (+RM162.1 juta, +5.5%).

Barangan modal, berjumlah RM15.9 bilion (14.0 peratus daripada jumlah import) meningkat 15.4 peratus, didorong oleh

peningkatan import barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) 32.2 peratus kepada RM15.4 bilion.

Barang penggunaan, berjumlah RM9.2 bilion (8.1 peratus daripada jumlah import), mencatatkan peningkatan 1.5 peratus, didorong oleh import yang lebih tinggi barangan tahan lama (+RM362.7 juta, +28.3%), barangan separa tahan lama (+RM254.8 juta, +18.7%) dan makanan & minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah (+RM54.9 juta, +4.7%).

Paparan 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum, Februari 2026



EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT LOKASI

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM245.2 bilion pada Februari 2026 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM131.0 bilion dan RM114.2 bilion.

Eksport bernilai RM131.0 bilion pada Februari 2026, meningkat sebanyak RM12.7 bilion (+10.8%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di Pulau Pinang (+RM21.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM198.1 juta) dan Perak (+RM108.1 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Selangor sebanyak RM3.4 bilion, Sarawak (-RM1.1 bilion), Melaka (-RM928.2 juta), Sabah (-RM743.7 juta), Kedah (-RM682.1 juta), Pahang (-RM505.9 juta), Negeri Sembilan (-RM442.0 juta), Kelantan (-RM225.3 juta), Johor (-RM197.0 juta), W.P. Labuan (-RM191.9 juta), Terengganu (-RM98.0 juta) dan Perlis (-RM14.0 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 47.1 peratus, diikuti oleh Johor (17.7%), Selangor (13.8%),

Sarawak (5.9%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.6%).

Pada masa yang sama, import pada bulan Februari 2026 meningkat RM8.6 bilion (+8.2%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2025. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM9.3 bilion), Kedah (+RM1.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.0 bilion), Negeri Sembilan (+RM255.4 juta), W.P. Labuan (+RM140.4 juta), Perak (+RM35.9 juta), Terengganu (+RM6.8 juta) dan Perlis (+RM5.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai import menurun di Melaka sebanyak RM1.1 bilion, Sarawak (-RM645.3 juta), Selangor (-RM519.8 juta), Pahang (-RM472.2 juta), Sabah (-RM66.0 juta), Johor (-RM51.4 juta) dan Kelantan (-RM25.5 juta).

Pulau Pinang mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 29.3 peratus, diikuti oleh Selangor (23.5%), Johor (21.7%), W.P. Kuala Lumpur (8.4%) dan Kedah (5.4%).




MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS 2026


FEBRUARY

Exports	Imports	Total Trade	Trade Balance
RM131.0 bil	RM114.2 bil	RM245.2 bil	RM16.7 bil
▲ 10.8%	▲ 8.2%	▲ 9.5%	▲ 32.5%


Malaysia Trade External Statistics
February 2025 – February 2026 (RM billion)




TOP 3 TRADING COUNTRY




IMPORTS BY BROAD ECONOMIC CATEGORIES & END USE



SECTORIAL PERFORMANCE BY EXPORTS & IMPORTS



TRADING WITH ASEAN



Notes :
 1. ▲ ▼ All changes are based on year-on-year (y-o-y) comparison.
 2. The February 2026 data is preliminary and subject to revision in later issues.
 3. This report can be accessed through the web portal of the Department of Statistics, Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) under section: Latest Release

Source : Monthly External Trade Statistics, February 2026,
Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

MALAYSIA'S TRADE PERFORMANCE, FEBRUARY 2026


Malaysia's external trade performance remained robust in February 2026, with total trade in goods rising by 9.5 per cent, or RM21.3 billion, to RM245.2 billion compared with the same month last year.

Exports rose by 10.8 per cent or RM12.7 billion to RM131.0 billion, while imports expanded by 8.2 per cent or RM8.6 billion to RM114.2 billion, year-on-year (y-o-y). Consequently, the trade

balance valued at RM16.7 billion registered a surplus, widening by RM4.1 billion compared to February 2025.

On a month-on-month (m-o-m) comparison showed exports, imports, total trade and trade balance declined by 10.8 per cent, 8.5 per cent, 9.8 per cent and 23.9 per cent, respectively, compared to January 2026.

Chart 1: Trade Performance: Monthly, Quarterly & Annually



EXPORTS

Malaysia's exports maintain positive Trend in February 2026

Performance of Exports

Exports continued to strengthen with a double-digit increase of 10.8 per cent or RM12.7 billion to reach RM131.0 billion, y-o-y.

The encouraging export growth was in line with increases in both re-exports and domestic exports. Re-exports valued at RM26.6 billion and accounting for 20.3 per cent of total exports, surged by 24.8 per cent or RM5.3 billion. Domestic

exports also increased by 7.7 per cent or RM7.4 billion to RM104.3 billion, and represented 79.7 per cent of total exports.

Meanwhile, on a m-o-m comparison, exports declined by 10.8 per cent or RM15.9 billion. However, based on m-o-m seasonally adjusted terms analysis, exports decreased by 6.2 per cent to RM145.6 billion.

Chart 2: Domestic Exports, Re-Exports (RM billion) and Annual Change (%)





Chart 3: Actual Export Value and Seasonally Adjusted Export Value, RM billion



Export Performance for Major Country of Destination


The United States and Singapore were the main export destinations, collectively accounting for 30.6 per cent of Malaysia’s total exports in February 2026.

The United States led as the top export destination with a value of RM24.9 billion, contributing 19.0 per cent to Malaysia’s total exports, rising by 42.3 per cent or RM7.4 billion, y-o-y. The increase was attributed to higher exports of electrical & electronic (E&E) products (+RM6.5 billion, +61.1%), other manufactured products (+RM1.1 billion, +73.4%) and optical & scientific equipment (+RM311.3 million, +38.6%).

Exports to Singapore accounted for 11.6 per cent of total exports, valued at RM15.2 billion, falling 17.1 per cent or RM3.1 billion. The decline was driven by lower exports of petroleum products (-RM1.3 billion, -49.4%) and E&E products (-RM925.8 million, -10.8%).

Eight of the top ten export destinations recorded positive growth, namely the United States, China, the European Union, Hong Kong, Taiwan, Thailand, Viet Nam and the Korea, Republic of. In contrast, exports to Singapore and Japan decreased.

Chart 4: Annual Change of Exports for Major Country of Destination, February 2025 and February 2026



Exports to ASEAN Countries


Exports to ASEAN countries accounted for 23.9 per cent of Malaysia’s total exports in February 2026. It amounted to RM31.3 billion, down 9.4 per cent from RM34.6 billion in the same month last year.

The decline was mainly driven by exports of petroleum products (-RM1.8 billion, -31.2%) chemical & chemical products

(-RM438.8 million, -18.0%) and machinery, equipment & parts (-RM279.1 million, -10.4%).

Among ASEAN countries, Singapore remained the main export destination, accounting for 53.1 per cent of total exports, with exports declining marginally by 17.1 per cent or RM3.1 billion compared with February 2025.

Chart 5: Percentage Share of Exports to ASEAN Countries, February 2026



Export Performance for Economic Sectors


Manufactured goods exports continued to be the key component of total exports in February 2026, contributing 87.2 per cent and rising by 12.8 per cent or RM12.9 billion to RM114.2 billion, y-o-y. The main contributors to the increase were exports of E&E products (+RM13.5 billion, +28.5%), other manufactured products (+RM3.0 billion, +59.7%) and optical & scientific equipment (+RM2.0 billion, +42.9%).

Exports of agricultural products, which accounted for 5.5 per cent of total exports,

declined by 16.4 per cent to RM7.2 billion. The decrease was attributed to lower exports of palm oil & palm oil-based agricultural products (-RM863.6 million, -13.7%) and other agricultural products (-RM248.0 million, -22.4%).

Mining exports, representing 6.2 per cent of total exports, increased by 12.3 per cent from RM7.2 billion to RM8.1 billion. The expansion was primarily driven by higher exports of metalliferous ores & metal scrap (+RM2.4 billion, +443.7%).

Exhibit 1: Exports by Sector, February 2025 and February 2026



Exports of Selected Major Products

Export performance showed growth in February 2026 for the following products:

- E & E products accounted for 46.4 per cent of total exports, rising by RM13.5 billion or 28.5 per cent, to RM60.8 billion.
- Crude petroleum contributed 0.9 per cent of total exports, increasing by RM72.4 million or 6.4 per cent, to RM1.2 billion. This aligned with a 39.1 per cent increase in export volume,

although the average unit value recorded a decline of 23.5 per cent. Brent crude oil prices in February 2026 also fell to RM278.40 per barrel (-16.6%) compared with the same month last year.


However, declines were recorded for the following products:

- Refined petroleum products, which accounted for 5.0 per cent of total exports, fell by RM2.1 billion or 24.2 per cent to RM6.5 billion, in line with lower export volume (-4.8%) and a decline in the average unit value (-20.4%);
- Liquefied natural gas (LNG) representing 2.6 per cent of total exports, decreased by RM1.3 billion or 27.3 per cent to RM3.5 billion, in line with the decline in the average unit value (19.6%) and export volume (9.6%);
- Palm oil & palm oil-based products, contributing 6.5 per cent of total exports, decreased by RM919.4 million or 9.7 per cent to RM8.6 billion. Exports of palm oil, the main commodity within this product group, also declined by RM877.9 million or 16.4 per cent. Although export volume increased by 0.2 per cent, the

average unit value dropped by 16.6 per cent. In addition, the domestic price of crude palm oil declined by 14.3 per cent to RM4,077.50 per metric tonne;

- Timber & timber-based products contracted by 23.9 per cent or RM408.2 million to RM1.3 billion, contributing 1.0 per cent to total exports; and
- Natural rubber, which made up 0.2 per cent of total exports, declined by 47.0 per cent or RM231.3 million to RM260.8 million. This was in line with a 38.2 per cent decrease in export volume and a 14.2 per cent drop in the average unit value. Additionally, the price of rubber (SMR20) fell from RM906.00 to RM770.00 (-15.0%).

Exhibit 2: Exports of Selected Major Product, February 2025 and February 2026



Note: Share February 2026 February 2025

IMPORTS

Capital goods imports strengthen with double-digit growth in February 2026

Performance of Imports

Malaysia's imports continued to record growth, rising by 8.2 per cent or RM8.6 billion in February 2026. This increase brought total imports to RM114.2 billion compared with the value recorded in the same month of the previous year. On a m-o-m comparison showed imports declined by 8.5 per cent or RM10.6 billion.

On a y-o-y basis, imports by End Use recorded positive growth for capital goods (+RM2.1 billion, +15.4%), intermediate goods (+RM474.5 million, +0.8%), and consumption goods (+RM136.7 million, +1.5%).

Based on seasonally adjusted m-o-m analysis, imports expended by 2.2 per cent to RM127.9 billion.

Chart 6: Imports Value (RM billion) and Annual Change (%)





Chart 7: Actual Import Value and Seasonally Adjusted Imports Value, RM billion



Import Performance for Major Country of Origin


China and Taiwan were the two main countries of origin for Malaysia's imports in February 2026, accounting for 35.8 per cent of total imports.

Imports from China, which represented 24.8 per cent of Malaysia's total imports, expanded by 27.3 per cent to RM28.3 billion as compared to the previous year. The increase in imports from China was driven by higher E&E products (+RM2.6 billion, +25.0%), manufactures of metal (+RM792.8 million, +69.8%) and machinery, equipment & parts (+RM738.5 million, +25.9%)

Imports from Taiwan amounted to RM12.5 billion, accounting for 11.0 per cent of total imports, an increase of 36.4 per cent or RM3.3 billion, y-o-y. This growth was mainly driven by higher imports of E&E products, which rose by RM3.2 billion, or 41.5 per cent.

Annual change of imports from seven of the major countries recorded increases, while imports from Singapore, the United States and Indonesia declined compared with the same month last year.

Chart 8: Annual Change for Imports for Major Country of Origin, February 2025 and February 2026



Imports from ASEAN Countries


Imports from ASEAN countries accounted for 21.8 per cent of total imports, decreasing by 0.9 per cent in February 2026 to RM24.9 billion, compared with RM25.1 billion in the same month last year.

The decline was mainly driven by lower imports of petroleum products (-RM612.3 million,

-17.5%), other mining products (-RM449.1 million, -44.0%) and chemicals & chemical products (-RM421.0 million, -25.4%).

Among ASEAN countries, 46.1 per cent of imports were from Singapore, declining 5.6 per cent from RM12.1 billion to RM11.4 billion.

Chart 9: Percentage Share of Imports from ASEAN Countries, February 2026



Import Performance for Economic Sectors


Imports of manufactured products (87.1% of total imports) increased by 15.1 per cent from RM86.5 billion to RM99.5 billion. This performance was supported by higher imports of E&E products (+RM13.3 billion, +36.3%), machinery, equipment & parts (+RM629.4 million, +7.2%) and optical & scientific equipment (+RM612.5 million, +25.1%).

Imports of agricultural products (5.2 per cent of total imports) declined by 26.0 per cent to RM6.0 billion, mainly due to lower imports of other agricultural products (-RM1.8 billion, -30.8%),

natural rubber (-RM334.1 million, -37.9%) and other vegetables oil (-RM25.9 million, -5.3%).

Meanwhile, imports of mining products (5.0% of total imports) were valued at RM5.7 billion in February 2026, declining by 37.2 per cent, or RM3.4 billion, compared to the previous year. This was mainly due to a significant reduction in imports of crude petroleum (-RM3.3 billion, -66.2%), other mining products (-RM789.2 million, -50.3%), and liquefied natural gas (LNG) (-RM622.4 million, -58.5%).

Exhibit 3: Imports by Sector, February 2025 and February 2026



Imports of Selected Major Products


Imports continued to increase in Februari 2026, driven by higher imports of the following products:

- E&E products (39.9% of total imports), which grew by 36.3 per cent or RM13.3 billion to RM49.8 billion; and
- Machinery & equipment specialized for particular industries & parts (2.0% of total imports), strengthened by 4.0 per cent or RM99.1 million to RM2.6 billion.

However, negative growth was recorded for the following products:

- Crude petroleum, which accounted for 1.3 per cent of total imports, declined by RM3.3 billion or 66.2 per cent in line with a decrease in the average unit value (-20.1%) and import volume (-57.8%); and
- Refined petroleum products, representing 5.5 per cent of total imports, decreased by RM798.3 million or 10.4 per cent, consistent with a decline in the average unit value (-24.6%). However, import volume rose by 18.9 per cent.

Exhibit 4: Imports of Selected Major Product, February 2025 and February 2026



Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification

Imports increased by 8.2 per cent to RM114.2 billion, with the three main import categories by End Use contributing 73.8 per cent of total imports, as follows:


Intermediate goods, valued at RM59.2 billion or 51.8 per cent of total imports, increased by 0.8 per cent, mainly due to higher imports of parts & accessories of capital goods (except transport equipment) (+RM6.1 billion, +29.4%), industrial supplies, n.e.s. processed (+RM1.3 billion, +7.4%) and industrial supplies, n.e.s. primary (+RM162.1 million, +5.5%).

Capital goods, valued at RM15.9 billion (14.0 per cent of total imports), rose by 15.4 per cent, supported by a 32.2 per cent

increase in imports of capital goods (except transport equipment) equivalent to RM15.4 billion.

Consumption goods, totalling at RM9.2 billion (8.1 per cent of total imports), increased by 1.5 per cent, supported by higher imports of durable goods (+RM362.7 million, +28.3%), semi-durable goods (+RM254.8 million, +18.7%) and food & beverages mainly for household consumption (+RM54.9 million, +4.7%).

Exhibit 5: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification, February 2026



EXPORTS AND IMPORTS BY LOCATION

Malaysia's total trade for February 2026 amounted to RM245.2 billion with exports and imports recording RM131.0 billion and RM114.2 billion, respectively.

Exports was valued at RM131.0 billion in February 2026, increased RM12.7 billion (+10.8%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in Pulau Pinang (+RM21.2 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM198.1 million) and Perak (+RM108.1 million). However, exports decreased in Selangor by RM3.4 billion, Sarawak (-RM1.1 billion), Melaka (-RM928.2 million), Sabah (-RM743.7 million), Kedah (-RM682.1 million), Pahang (-RM505.9 million), Negeri Sembilan (-RM442.0 million), Kelantan (-RM225.3 million), Johor (-RM197.0 million), W.P. Labuan (-RM191.9 million), Terengganu (-RM98.0 million) and Perlis (-RM14.0 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with a contribution of 47.1 per cent, followed by

Johor (17.7%), Selangor (13.8%), Sarawak (5.9%) and W.P. Kuala Lumpur (3.6%).

At the same time, imports in February 2026 increased RM8.6 billion (+8.2%) as compared to the same month in year 2025. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as Pulau Pinang (+RM9.3 billion), Kedah (+RM1.2 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.0 billion), Negeri Sembilan (+RM255.4 million), W.P. Labuan (+RM140.4 million), Perak (+RM35.9 million), Terengganu (+RM6.8 million) and Perlis (+RM5.0 million). However, imports decreased in Melaka by RM1.1 billion, Sarawak (-RM645.3 million), Selangor (-RM519.8 million), Pahang (-RM472.2 million), Sabah (-RM66.0 million), Johor (-RM51.4 million) and Kelantan (-RM25.5 million).

Pulau Pinang dominates Malaysia's imports with a share of 29.3 per cent, followed by Selangor (23.5%), Johor (21.7%), W.P. Kuala Lumpur (8.4%) and Kedah (5.4%).



BAHAGIAN II

**JADUAL
STATISTIK
*STATISTICAL
TABLES***

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK, IMPORT, JUMLAH DAGANGAN DAN IMBANGAN DAGANGAN (RM JUTA)

EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS, IMPORTS, TOTAL TRADE AND BALANCE OF TRADE (RM MILLION)

TAHUN YEAR	NILAI VALUE					PERUBAHAN TAHUNAN ANNUAL CHANGE (%)				
	EKSPORT EXPORTS	EKSPORT DOMESTIK DOMESTIC EXPORTS	IMPORT IMPORTS	JUMLAH DAGANGAN TOTAL TRADE	IMBANGAN DAGANGAN BALANCE OF TRADE	EKSPORT EXPORTS	EKSPORT DOMESTIK DOMESTIC EXPORTS	IMPORT IMPORTS	JUMLAH DAGANGAN TOTAL TRADE	IMBANGAN DAGANGAN BALANCE OF TRADE
2019	995,072	823,484	849,411	1,844,483	145,661	(0.8)	2.4	(3.5)	(2.1)	17.7
2020	983,827	799,197	800,481	1,784,308	183,345	(1.1)	(2.9)	(5.8)	(3.3)	25.9
2021	1,241,022	1,012,001	987,344	2,228,366	253,678	26.1	26.6	23.3	24.9	38.4
2022	1,550,009	1,222,034	1,293,811	2,843,821	256,198	24.9	20.8	31.0	27.6	1.0
2023	1,426,199	1,111,065	1,211,044	2,637,243	215,155	(8.0)	(9.1)	(6.4)	(7.3)	(16.0)
2024	1,509,291	1,216,060	1,370,237	2,879,528	139,053	5.8	9.4	13.1	9.2	(35.4)
2025	1,606,473	1,240,126	1,451,880	3,058,353	154,593	6.4	2.0	6.0	6.2	11.2
2023										
Q1	355,092	276,446	291,680	646,772	63,413	3.1	(2.0)	3.9	3.5	(0.3)
Q2	348,623	267,560	292,800	641,423	55,823	(11.1)	(13.8)	(12.1)	(11.6)	(6.0)
Q3	356,280	277,863	297,245	653,525	59,035	(15.2)	(13.0)	(16.3)	(15.7)	(9.1)
Q4	366,203	289,195	329,319	695,521	36,884	(6.9)	(6.7)	1.3	(3.2)	(46.0)
2024										
Q1	362,794	291,018	328,199	690,993	34,594	2.2	5.3	12.5	6.8	(45.4)
Q2	369,338	298,561	336,911	706,248	32,427	5.9	11.6	15.1	10.1	(41.9)
Q3	384,227	311,724	358,245	742,473	25,982	7.8	12.2	20.5	13.6	(56.0)
Q4	392,932	314,757	346,882	739,814	46,050	7.3	8.8	5.3	6.4	24.9
2025										
Q1	378,359	304,338	337,315	715,674	41,045	4.3	4.6	2.8	3.6	18.6
Q2	381,667	295,882	367,372	749,039	14,294	3.3	(0.9)	9.0	6.1	(55.9)
Q3	410,407	310,915	359,722	770,130	50,685	6.8	(0.3)	0.4	3.7	95.1
Q4	436,039	328,991	387,470	823,510	48,569	11.0	4.5	11.7	11.3	5.5
2024										
2022	4.4011	4.6318	5.4350	3.3815	3.0531	3.1915	12.5582	5.6001	56.2021	3.3615	
2023	4.5606	4.9320	5.6730	3.3804	3.0303	3.3959	13.1045	5.5222	58.2606	3.2501	
2024	4.5764	4.9512	5.8463	3.3428	3.0198	3.4238	12.9684	5.4714	58.6491	3.0235	
2025	4.2844	4.8344	5.6436	3.0647	2.7840	3.2883	13.0217	4.9725	55.3483	2.8797	
2025	JAN	4.4740	4.6283	5.5229	3.1098	2.7867	3.2836	13.0399	5.1879	57.4794	2.8556
	FEB	4.4418	4.6272	5.5693	3.1050	2.7980	3.2991	13.1498	5.1030	57.0800	2.9267
	MAR	4.4358	4.7852	5.7197	3.0881	2.7916	3.3191	13.1125	5.1184	57.0690	2.9750
	APR	4.4158	4.9632	5.8078	3.1597	2.7794	3.3373	13.0914	5.1603	56.8801	3.0672
	MAY	4.2635	4.8108	5.7006	3.0759	2.7480	3.2952	12.9407	5.0063	54.6285	2.9492
	JUN	4.2429	4.8822	5.7465	3.1004	2.7556	3.3039	13.0061	4.9365	54.0604	2.9354
	JUL	4.2363	4.9525	5.7242	3.0969	2.7710	3.3076	13.0592	4.9200	53.9674	2.8853
	AUG	4.2266	4.9166	5.6797	3.0619	3.0198	3.4238	12.9684	5.4714	58.6491	3.0235
	SEP	4.2126	4.9435	5.6863	3.0450	2.7769	3.2780	13.1662	4.7715	54.1152	2.8467
	OCT	4.2160	4.9099	5.6351	3.0143	2.7609	3.2551	12.9481	4.7695	54.2239	2.7863
	NOV	4.1559	4.8028	5.4577	2.9567	2.7038	3.1892	12.8269	4.6796	53.4376	2.6797
	DEC	4.0919	4.7900	5.4739	2.9632	2.7163	3.1681	12.9507	4.5459	52.5896	2.6263
2026	JAN	4.0283	4.7280	5.4462	2.9221	2.7316	3.1462	12.8756	4.4387	51.6738	2.5690
	FEB	3.9146	4.6289	5.3171	2.8682	2.7642	3.0900	12.5353	4.3176	50.0837	2.5238

Nota : Semua kadar pertukaran kecuali Rupee India adalah kadar purata belian dan jualan antara bank pada masa tengah hari.

Note : All exchange rates except the Indian Rupee are the average of buying and selling interbank rates at noon.

¹ Angka kadar pertukaran adalah " Purata bagi Tempoh".
Figures for the exchange rates are for "Average for Period".

² Kadar bagi Rupee India adalah kadar pelanggan BNM (Pembelian OD).
Rates for Indian Rupee are the BNM customers' rates (Buying OD).

Sumber : Bank Negara
Source : Malaysia

**JADUAL TARIKH PENGLUARAN PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
JANUARI-DISEMBER 2026**

*SCHEDULE OF RELEASE DATES FOR EXTERNAL TRADE STATISTICS,
JANUARY-DECEMBER 2025*

BULAN RUJUKAN REFERENCE MONTH	TARIKH PENGLUARAN RELEASE DATES					
	SIARAN AWALAN WAKTU EMBARGO 12.00 PM PROVISIONAL RELEASE EMBARGO TIME 12.00 PM			PENERBITAN PUBLICATION		
JANUARI JANUARY	20	FEBRUARI FEBRUARY	2026	27	FEBRUARI FEBRUARY	2026
FEBRUARI FEBRUARY	19	MAC MARCH	2026	27	MAC MARCH	2026
MAC MARCH	20	APRIL APRIL	2026	28	APRIL APRIL	2026
APRIL APRIL	20	MEI MAY	2026	26	MEI MAY	2026
MEI MAY	19	JUN JUNE	2026	26	JUN JUNE	2026
JUN JUNE	20	JULAI JULY	2026	28	JULAI JULY	2026
JULAI JULY	20	OGOS AUGUST	2026	28	OGOS AUGUST	2026
OGOS AUGUST	18	SEPTEMBER SEPTEMBER	2026	28	SEPTEMBER SEPTEMBER	2026
SEPTEMBER SEPTEMBER	19	OKTOBER OCTOBER	2026	28	OKTOBER OCTOBER	2026
OKTOBER OCTOBER	20	NOVEMBER NOVEMBER	2026	27	NOVEMBER NOVEMBER	2026
NOVEMBER NOVEMBER	18	DISEMBER DECEMBER	2026	28	DISEMBER DECEMBER	2026
DISEMBER DECEMBER	20	JANUARI JANUARY	2027	28	JANUARI JANUARY	2027

KENYATAAN AKHBAR DIHANTAR KEPADA PIHAK MEDIA PADA TARIKH PENGLUARAN DENGAN MASA EMBARGO DITETAPKAN BAGI PENYIARAN.
KENYATAAN AKHBAR TERSEBUT DISIARKAN SELEPAS MASA EMBARGO DI LAMAN WEB JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
(<http://www.statistics.gov.my>).

*A PRESS STATEMENT IS ISSUED TO THE MEDIA ON THE DATE OF RELEASE WITH A SPECIFIED EMBARGO TIME FOR RELEASE.
THE PRESS STATEMENT IS POSTED AFTER THE EMBARGO TIME ON THE WEBSITE OF THE DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
(<http://www.statistics.gov.my>).*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.



BAHAGIAN III

NOTA
TEKNIKAL
TECHNICAL
NOTES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

NOTA TEKNIKAL

1. PENGENALAN

Penerbitan ini mengandungi Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia (barangan) berkaitan dengan import dan eksport (termasuk eksport semula) mengikut seksyen dan Bahagian barangan, negara asal dan yang dituju, barangan utama / terpilih, Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC) dan penggunaan akhir serta data pelarasan musim.

Statistik ini juga meliputi Perdagangan Luar Negeri Malaysia (barangan) berkaitan import dan eksport di peringkat negeri (mengikut pintu keluar dan masuk) dengan seluruh dunia.

2. OBJEKTIF

Objektif utama penerbitan ini untuk membekalkan statistik tentang prestasi perdagangan Malaysia dengan negara-negara lain dari segi nilai dan volum barangan. Penerbitan ini menjadi input kepada penggubalan dasar, rujukan penting dalam pelaksanaan keputusan, pemantauan dan penilaian keberkesanan program pembangunan negara serta penyelidikan.

3. BIDANG DAN LIPUTAN

3.1 Malaysia menggunakan 'sistem perdagangan umum' dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri. Di bawah sistem ini, sempadan negara digunakan sebagai sempadan perangkaan. Semua barang yang dibawa masuk atau keluar dari negara (selain pengecualian yang disebutkan di para 11 di bawah) direkodkan, sama ada barangan itu tertakluk kepada kelulusan tertentu atau pun tidak. Barangan yang dibawa masuk atau keluar dari gudang-gudang simpanan kastam, Zon Bebas direkodkan di dalam perangkaan ini.

3.2 Butir-butir tentang kapal dan kapal terbang dagangan dan persendirian turut **diambil kira** jika ianya diimport atau dieksport sebagai barang yang dibeli, dijual atau disewa (kewangan) tidak kira sama ada ianya tiba atau berlepas dengan kuasanya sendiri.

3.3 Eksport mengikut lokasi adalah berdasarkan negeri asal (iaitu negeri dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran atau pembuatan berlaku). Sebaliknya, import mengikut lokasi berdasarkan negeri destinasi terakhir (iaitu negeri di mana barangan dikeluarkan daripada kawalan Kastam, tetapi tidak semestinya di mana barangan itu akhirnya dijual atau digunakan).

Ketepatan dalam pelaporan negeri asal dan negeri destinasi akhir dalam dokumentasi oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) memberi kesan kepada kualiti statistik perdagangan barangan mengikut lokasi. Dalam hal ini, lokasi pemuatan/pelepasan akan digunakan sebagai proksi bagi negeri asal/destinasi akhir yang sebenar.

3.4 Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana- mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam penyusunan statistik import dan eksport mengikut lokasi. Nilai import atau eksport bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

4. SUMBER DATA

- 4.1 Pengikraran import dan eksport (*hard/soft copy*) yang diluluskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Zon Bebas.
- 4.2 Keterangan mengenai pengiraman bungkusan pos/courier yang dibekalkan oleh Pos Malaysia Berhad.
- 4.3 Penyata dan pengikraran eksport mengenai *bunkers* dan *stores* yang dibekalkan kepada kapal terbang yang dikeluarkan/diluluskan oleh syarikat-syarikat petroleum.
- 4.4 Penyata penjualan barangan yang dibekalkan oleh pengusaha-pengusaha kedai bebas cukai.
- 4.5 Penyata jualan dan belian elektrik yang dikeluarkan oleh syarikat pengeluar

5. KONSEP DAN DEFINISI

- 5.1 Penyusunan statistik ini selaras dengan garis panduan dalam **International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions (IMTS) 2010** daripada **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu**.

5.2 Import

Sesuatu barangan dianggap sebagai import apabila ianya dibawa **masuk** ke dalam negara, sama ada terus ataupun disimpan di gudang dalam kawasan yang dikawalselia oleh pihak Kastam tanpa mengira sama ada barangan tersebut adalah untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam pembuatan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.

5.3 Eksport

Sesuatu barangan (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) dianggap sebagai eksport apabila ianya dibawa **keluar** dari negara.

5.4 Eksport Domestik

Sesuatu barangan (keluaran atau buatan tempatan) dianggap sebagai eksport domestik apabila ianya dibawa **keluar** dari negara.

5.5 Eksport Semula

Sesuatu barangan dianggap sebagai eksport semula apabila ianya dibawa **keluar** dari negara dalam keadaan seperti mana ianya **diimport** tanpa mengalami sebarang **perubahan**. Proses membungkus semula, menyisih atau menggred tidak dikira sebagai satu proses perubahan.

5.6 Imbangan Perdagangan

Imbangan perdagangan ialah perbezaan antara nilai eksport dan import. Apabila eksport melebihi import **lebih** direkodkan manakala **defisit** pula dicatatkan apabila import melebihi eksport.

6. ASAS PENILAIAN

- 6.1 **WTO Valuation Agreement (1994)** digunakan sebagai asas penilaian untuk semua transaksi barangan.
- 6.2 **Nilai** ditunjukkan dalam Ringgit Malaysia.
- 6.3 **Import** dinilai mengikut **cif (cost, insurance and freight – kos, insuran dan tambang)** iaitu nilai barangan di pasaran di sempadan statistik/kastam negara pengimport termasuk semua perbelanjaan insuran dan tambang semasa dalam perjalanan **tetapi** kos pemunggaran dari alat pengangkutan tidak diambil kira **kecuali** kos tersebut ditanggung sendiri oleh pengangkut.
- 6.4 **Eksport** dinilai mengikut **fob (free on board)** iaitu nilai barangan di pasaran di sempadan statistik/kastam negara pengeksport termasuk semua perbelanjaan pengangkutan ke sempadan tersebut, duti eksport dan duti lain yang perlu dibayar serta kos untuk memunggah barang ke atas alat pengangkutan **kecuali** kos terakhir itu ditanggung sendiri oleh pengangkut.

7. KLASIFIKASI BARANG DAGANGAN

- 7.1 Penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barangan) bagi bulan rujukan Januari 2022 hingga Mei 2022 menggunakan Harmonised Commodity Description and Coding System (HS) 2017 yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK) 2017. Bermula bulan rujukan Jun 2022, HS2022 yang juga dikenali sebagai PDK2022 telah digunakan menggantikan HS2017. Walau bagaimanapun, pengelasan mengikut Standard International Trade Classification (S.I.T.C) Rev.4 masih digunakan dengan penyesuaian bersesuaian.
- 7.2 Selepas perbincangan dan perundingan dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), pilihan kod untuk minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit adalah berdasarkan minyak kelapa sawit tulen dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit serta kod-kod yang berasaskan minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (melebihi 50%).

8. VOLUM

Volum merupakan berat bersih atau ukuran lain bagi barangan itu, tidak termasuk kontena. Jika barangan itu dilaporkan dalam pelbagai unit ukuran, maka unit ukuran tersebut tidak dapat diselaraskan. Oleh itu, hanya nilai barangan sahaja dipaparkan.

9. NEGARA ASAL DAN YANG DITUJU

- 9.1 **Negara asal** merujuk kepada lokasi / negara barangan yang dibawa masuk ke dalam negara. Jika maklumat negara asalnya tidak dapat ditentukan. Sebagai contoh, bagi barangan melalui Singapura, maka import berkenaan dilaporkan dari Singapura.
- 9.2 **Negara yang dituju** merujuk kepada destinasi/negara akhir barangan itu dijangka akan digunakan. Bagi barangan yang dihantar dengan *optional bill of lading*, negara di mana pelabuhan pertama diketahui akan dilaporkan sebagai negara yang dituju. Jika maklumat negara yang dituju tidak dapat ditentukan. Sebagai contoh, bagi

barangan yang dieksport melalui Singapura, maka eksport berkenaan dilaporkan ke Singapura.

- 9.3 **Bagi bunkers dan stores yang dibekalkan kepada kapal dan kapal terbang,** negara yang dituju ditentukan mengikut lokasi/negara residen syarikat pengendali kapal atau kapal terbang tersebut.

10. TRANSAKSI BERNILAI RENDAH (TBR)

Mulai bulan rujukan Januari 2023, transaksi tunggal 'di bawah RM1,000' bagi Semenanjung Malaysia telah diliputi dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri dan transaksi bernilai 'di bawah RM5,000' telah dilaporkan mengikut kod HS yang diikrar. Manakala mulai bulan rujukan Januari 2024, transaksi tunggal 'di bawah RM2,000' untuk Sabah dan Sarawak telah dilaporkan mengikut kod HS yang diikrar.

11. PENGECUALIAN

Barang-barang yang tidak termasuk dalam Perangkaan Perdagangan Luar Negeri adalah:

- 11.1 barangan transit, iaitu pengangkutan barangan di bawah kawalan kastam dari sebuah stesen kastam ke sebuah stesen kastam yang lain. Misalnya, pergerakan barangan dari Thailand ke Singapura melalui Semenanjung Malaysia dan pergerakan barangan dari sebuah zon bebas ke sebuah zon bebas yang lain di Malaysia. Barang dalam transit yang diliputi *through bills of lading / air-way bills* juga termasuk di bawah kategori ini;
- 11.2 barangan pindah kapal, iaitu pemindahan barangan di bawah kawalan pihak yang berkuasa, dari suatu pengangkutan yang digunakan untuk pengimportan kepada suatu pengangkutan lain yang digunakan untuk pengeksportan **dalam** kawasan kawalan pihak berkuasa yang sama. Stesen ini merupakan stesen pengimportan dan juga pengeksportan. Sebagai contoh, barangan dari Myanmar yang dibawa masuk ke kawasan kastam Pulau Pinang yang semata-mata bertujuan untuk dihantar ke negara ketiga (misalnya ke Hong Kong). Satu lagi contoh adalah barangan dari India yang dibawa masuk melalui Kawasan Bebas Pelabuhan Klang yang semata-mata bertujuan untuk dihantar ke Negara Ketiga (misalnya ke Sepanyol);
- 11.3 emas (kewangan) dan wang kertas serta duit syiling dalam edaran;
- 11.4 barangan yang diimport dan dieksport oleh, atau bagi pihak perkhidmatan diplomatik dan Angkatan Tentera Bukan Malaysia;
- 11.5 filem wayang untuk disewa;
- 11.6 kemasukan barangan untuk sementara waktu dan ianya tertakluk kepada pengeksportan semula dalam keadaan yang sama. Barangan ini diimport untuk tujuan tertentu dan dieksport semula dalam masa yang telah ditentukan tanpa mengalami sebarang perubahan, kecuali susut nilai yang biasa. Contohnya, binatang dan motokar bagi pertunjukan sarkas, perlumbaan, pertandingan dan pameran serta peralatan-peralatan bunyi untuk pertunjukan muzikal;
- 11.7 *barges (lash)* yang digunakan untuk mengangkut kargo dari kapal ke pantai atau sebaliknya;

- 11.8 ikan dan hasil laut lain yang dibawa oleh kapal laut berdaftar di Malaysia dan mendarat terus dari laut.
 - 11.9 bekas untuk menyimpan sesuatu barang/benda, silinder, botol dan seumpamanya yang dinyatakan sebagai 'dikembalikan';
 - 11.10 bekalan dan minyak yang dibekalkan kepada kapal laut dan kapal terbang yang dikendalikan oleh operator yang menetap di Malaysia;
 - 11.11 semua sampel, pemberian dan bahan untuk ujian atau analisa tanpa mengira nilai transaksi yang terlibat;
 - 11.12 tiket loteri & toto;
 - 11.13 pergerakan barangan di antara Negeri di dalam Semenanjung Malaysia tanpa mengira cara pengangkutan serta pergerakan barangan melalui **darat** di antara Sabah dan Sarawak;
 - 11.14 disket atau CD-ROM yang mengandungi perisian komputer dan / atau data, dibuat mengikut pesanan, audio dan videotapes yang mengandungi perakaman asal dan customised blueprints, dll; dan
 - 11.15 barangan untuk **dibaiki**.
12. **KEMASKINI TERHADAP NEGARA-NEGARA KESATUAN EROPAH (EU)**
- 12.1 Mulai 1 Julai 2013, Croatia menganggotai EU. Perkembangan ini telah dirangkumkan di dalam penerbitan mulai bulan Julai 2013 dan seterusnya.
 - 12.2 Bermula 1 Februari 2020, United Kingdom secara rasminya keluar daripada EU. Perkembangan ini telah diambil kira di dalam penerbitan mulai bulan Februari 2020 dan seterusnya.
13. Bermula rujukan Januari 2022, Statistik Eksport Produk Halal mengikut Pengelasan Barangan disusun daripada hasil gabungan pangkalan data Perdagangan Luar Negeri dengan senarai syarikat berstatus halal yang diperoleh daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
14. **PELARASAN MUSIM**
- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar dan polisi serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah, *turning point* dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadang-kadang ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, perilaku data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/ berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan dasar arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.

Di Malaysia, kebanyakan data siri masa terjejas oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapuskan kesan bermusim dan juga melaraskan data siri masa ekonomi Malaysia, pakej pelarasan bermusim standard, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia.

Data siri masa ekonomi Malaysia kerap dipengaruhi oleh perayaan agama utama seperti Aidilfitri bagi umat Islam, Tahun Baru Cina untuk kaum Cina dan Deepavali untuk kaum India. Tarikh perayaan-perayaan ini tetap mengikut tahun lunar tetapi berbeza-beza mengikut kalendar Gregorian. Oleh itu, untuk menganggar dan menyingkirkan kesan cuti yang bergerak dari data siri masa, satu prosedur telah dibangunkan iaitu *Seasonal Adjustment for Malaysia* (SEAM).

Kaedah SEAM digunakan untuk membuang kesan bermusim bagi data Perdagangan Luar Negeri Malaysia. Pelarasan musim dibuat ke atas data bulanan bagi jumlah eksport dan import. Data siri pelarasan bermusim untuk tiga tahun sebelumnya akan disemak setiap tahun apabila data untuk 12 bulan lengkap.

15. KLASIFIKASI MENGIKUT KATEGORI EKONOMI UMUM (BEC)

15.1 Klasifikasi mengikut Kategori Ekonomi Umum (BEC) diwujudkan adalah untuk meringkaskan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (PPLN) mengikut kelas komoditi ekonomi yang luas. Di samping itu, ia dibentuk sebagai pengantara untuk menukarkan data PPLN yang disusun berdasarkan HS kepada kategori penggunaan akhir yang lebih bermakna dalam konteks Sistem Akaun Negara (SNA) iaitu barang modal, barang pengantara dan barang penggunaan. Penyusunan ini membolehkan data PPLN dihubungkan dengan perangkaan ekonomi umum seperti perangkaan akaun negara dan perangkaan perindustrian bagi tujuan penganalisaan ekonomi di peringkat negara, kawasan dan dunia.

15.2 BEC termasuk sembilan belas kategori asas. Setiap kategori BEC didefinisikan dari segi bahagian, kumpulan, sub-kumpulan dan tajuk HS. Setiap tajuk asas HS ditetapkan secara khusus kepada satu kategori BEC. Penetapan ini dibuat berasaskan penggunaan akhir yang utama bagi sesuatu komoditi dalam setiap tajuk HS, walaupun erdapat banyak komoditi yang didagangkan di peringkat antarabangsa boleh dikelaskan kepada pelbagai kegunaan.

15.3 Statistik dalam Jadual 16: Import Barangan Mengikut Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum dijana berdasarkan import tertanggung iaitu import tolak eksport semula. Angka tersebut boleh menjadi negatif bagi bulan rujukan tertentu jika eksport semula melebihi daripada import.

16. KERAHSIAAN DATA

Data perdagangan telah disusun di bawah peruntukan ***Statistics Act 1965 (Revised-1989)***. Akta ini mensyaratkan bahawa kandungan penyata individu adalah sulit. Selaras dengan peruntukan tersebut, hanya angka agregat diterbitkan.

17. DASAR PINDAAN

Data pada bulan semasa adalah sementara (provisional) dan tertakluk kepada pindaan sehingga ia dimuktamadkan. Pindaan dibuat sekiranya wujud maklumat tambahan. Bermula tahun 2021, data muktamad akan dikeluarkan 7 (tujuh) bulan selepas tahun rujukan.

Perangkaan muktamad perdagangan luar negeri bagi tahun rujukan 2021 telah digunakan mulai bulan rujukan Jun 2022.

18. **PEMBUNDARAN**

Jumlah-jumlah kecil, apabila dicampurkan, **mungkin** tidak bersamaan dengan jumlah besar disebabkan oleh pembundaran.

19. **SIMBOL DAN SINGKATAN**

-	:	Tidak boleh dikira/Tiada transaksi
*	:	Nilai kurang daripada RM500,000
x	:	Kurang daripada 0.05 peratus
T.T.T.L	:	Tidak terkelas di tempat lain
DSB.	:	Dan sebagainya
DRP.	:	Daripada
DLL.	:	Dan lain-lain
W.P.	:	Wilayah Persekutuan
SUMB.	:	Sumbangan

TECHNICAL NOTES

1. INTRODUCTION

This publication contains statistics of Malaysia's External trade (merchandise) pertaining to imports and exports (including re-exports) by sections, divisions and groups of commodity, country of origin and destination, selected/major commodities, Broad Economic Category (BEC) classification and end-use as well as seasonally adjusted data.

This publication also contains statistics of Malaysia's External Trade (merchandise) on imports and exports at the state level (based on exit and entry points) with the rest of the world.

2. OBJECTIVE

The main objective of compiling Malaysia's external trade statistics is to provide information on Malaysia's trade performance vis-a-vis the rest of the world in terms of volume and value of merchandise goods. The trade statistics, therefore, serve as a tool in assisting the government in formulating policies and monitoring economic performance as well as for development planning. The data can also be used by the private sector and individuals for specific purposes such as for economic projection and analysis.

3. SCOPE AND COVERAGE

3.1 *The 'general trade system' of recording is adopted in compiling Malaysian external trade statistics. Under this system, the national boundary of the country is used as the statistical frontier. All goods entering or leaving the country (except specific exclusions mentioned in paragraph 11 below) are recorded, whether or not such goods are subject to clearance. Accordingly, goods entering or leaving customs bonded warehouses, Free Zones are recorded in the statistics.*

3.2 *Details of commercial and private ships and aircraft are also **included** in these statistics if they were imported or exported as goods purchased, sold or leased (financial) whether or not they arrived or departed under their own power.*

3.3 *Exports by location based on the state of origin (i.e. state of Malaysia where the final stage of production or manufacturing occurs). On the other hand, imports by location based on the state of final destination (i.e. the state of Malaysia in which goods are released from Customs controls, but not necessarily where they are ultimately sold or consumed).*

The accuracy in reporting the actual State of origin and State of final destination on Royal Malaysian Customs Department documentation affects the quality of State merchandise trade statistics. In this case, the location of loading/discharge may be used as a proxy for the actual state of origin/final destination.

3.4 *Export and import activities that are taking place in the Supra area (including production activities beyond the centre of predominant economic interest for any state) or declarations made by the agent are not included in the compilation of imports and*

exports statistics by location. Imports or exports value for the W.P. Kuala Lumpur includes the W.P. Putrajaya.

4. SOURCE OF DATA

- 4.1 Import and export declarations (hard/soft copy) approved by the Royal Malaysian Customs Department (RMCD) and Free Zone Authorities.
- 4.2 Particulars on postal/courier packages are provided by Pos Malaysia Berhad.
- 4.3 Statements and export declarations on bunkers and stores supplied to aircraft issued/approved by the petroleum companies.
- 4.4 Statements on goods sold are supplied by the operators of duty-free shops.
- 4.5 Statements on the sale and purchase of electricity issued by 'power producer company'.

5. CONCEPTS AND DEFINITIONS

5.1 The compilation of these statistics is in accordance with the guidelines of the **International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions (IMTS) 2010** from the **United Nations**.

5.2 Imports

Goods are regarded as imports when they are brought **into** the country either directly or into bonded warehouses, irrespective of whether such goods are for consumption, to be processed, use in manufacturing or subsequent re-exports to other countries.

5.3 Exports

Goods (locally produced or manufactured or imported for subsequent re-exports) are regarded as exports when they are taken **out** of the country.

5.4 Domestic Exports

Goods (locally produced or manufactured) are regarded as domestic exports when they are taken **out** of the country.

5.5 Re-exports

Goods are regarded as re-exports when they are taken **out** of the country in the same form as they were **imported** without any **transformation**. Re-packing, sorting or grading processes are not considered as part of the transformation process.

5.6 Balance of Trade

The balance of trade is the difference between the value of exports and imports. When exports exceed imports it is recorded as a **surplus** while a **deficit** is registered when imports exceed exports.

6. BASIS OF VALUATION

- 6.1 *The **WTO Valuation Agreement (1994)** is used as the basis of valuation for all transactions of goods.*
- 6.2 ***Values** are shown in Malaysian Ringgit.*
- 6.3 ***Imports** are valued on a **c.i.f. (cost, insurance and freight)** basis, that is, the value of the goods in the market at the statistical / customs frontier of the importing country, including all charges for transport and insurance whilst in transit **but** excluding the cost of unloading from the carrier **unless** it is borne by the carrier.*
- 6.4 ***Exports** are valued on a **f.o.b. (free on board)** basis, that is, the value of the goods in the market at the statistical / customs frontier of the exporting country, including all costs of transporting the goods to the statistical / customs frontier, export and other duties payable as well as the cost of loading the goods onto the carrier **unless** the latter cost is borne by the carrier.*

7. CLASSIFICATION OF COMMODITIES

- 7.1 *The compilation of External Trade Statistics (merchandise) for the reference month of January 2022 to May 2022 used the Harmonised Commodity description and Coding system (HS) 2017, also known as Customs Duties Order (PDK) 2017. Commencing from the reference month of June 2022, HS2022 also known as PDK2022 has been used to replace HS2017. However, Standard International Trade Classification (S.I.T.C) Rev.4 is still in use with appropriate updates.*
- 7.2 *After discussion and consultation with Malaysian Palm Oil Board (MPOB), the selection of codes for palm oil and palm oil-based products is based on pure palm oil and palm oil-based products as well as those codes which are predominantly palm oil and palm oil-based products (more than 50%).*

8. VOLUME

Volume, where shown, represent the nett weight or other measurement of the goods exclusive of packing containers. Where a commodity item comprises different kinds of commodities for which a common unit of measurement cannot be used, only values are shown.

9. COUNTRY OF ORIGIN AND DESTINATION

- 9.1 **Country of origin** refers to the location/country of goods brought into the country. If the country of origin information cannot be determined, for example, for goods via Singapore, then the import is reported from Singapore.
- 9.2 **Country of destination** refers to the final destination/country where the goods are expected to be used. For goods sent with a country where the first port is known will be reported as the country of destination. If the destination country information cannot be determined, for example, for goods exported through Singapore, then the exports is reported to Singapore.
- 9.3 **For bunkers and stores supplied to ships and aircraft**, the country of destination is determined according to the country of residence of the operator of the ship or aircraft.

10. LOW VALUE TRANSACTIONS (LVT)

With effect from reference month of January 2023, single transactions with a value 'below RM1,000' for Peninsular Malaysia have been covered in the compilation of External Trade Statistics and transactions worth 'below RM5,000' have been reported according to the pledged HS code. Meanwhile with effect from reference month of January 2024, single transactions with a value 'below RM2,000' for Sabah and Sarawak have been reported according to the pledged HS code.

11. EXCLUSIONS

Classes of goods excluded from external trade statistics are: -

- 11.1 *transit cargo, that is goods transported under customs control from one Customs office to another. Examples are the movement of goods from Thailand bound for Singapore through Peninsular Malaysia and the movement of goods within Malaysia from one free trade zone to another. All goods in transit covered through bills of lading/air-way bills are also included in this category;*
- 11.2 *transshipment cargo, that is goods transferred under the control of the relevant authorities from the importing means of transport to the exporting means of transport **within** the area of control of the same authorities, which is the office of both importation and exportation. For example, goods from Myanmar brought into the Pulau Pinang Customs area for the sole purpose of transport to a third country (e.g. to Hong Kong). Another example is goods from India brought into the Port Klang Free Zone for the sole purpose of transport to a third country (e.g. to Spain);*
- 11.3 *gold bullion (monetary) and issued currency notes and coins;*
- 11.4 *goods imported and exported by, or on behalf of, diplomatic services and non- Malaysian Armed Forces;*
- 11.5 *exposed cinematographic films on a rental basis;*
- 11.6 *temporary admission of goods subject to re-exportation in the same state. Such goods must be imported for a specific purpose and must be intended for re- exportation within a specified period without having undergone any change except normal depreciation.*

Examples are animals and cars for circuses, races, competitions and exhibitions and instruments/sound equipment for musical performances;

- 11.7 *barges (lash) used for the transportation of cargo from vessel to shore or vice-versa;*
- 11.8 *fish and other marine produce landed by Malaysian registered vessels direct from the sea;*
- 11.9 *containers, cylinders, bottles, crates and the like specified as returnable;*
- 11.10 *stores and fuel supplied to ships and aircraft handled by operators of Malaysian residence;*
- 11.11 *samples, gifts and specimens for test or analysis, irrespective of value;*
- 11.12 *toto & lottery tickets;*
- 11.13 *movement of goods by any mode of transportation between states within Peninsular Malaysia and movement of goods by **land** between Sabah and Sarawak;*
- 11.14 *diskettes or CD-ROMs with stored computer software and/or data, developed to order, audio and videotapes containing original recordings and customised blueprints, etc; and*
- 11.15 *goods for **repair**.*

12. **UPDATE TO EUROPEAN UNION (EU) COUNTRIES**

- 12.1 *From 1st July 2013, Croatia has joined EU. This development has been incorporated in the publication from July 2013 onwards.*
- 12.2 *Starting from 1st February 2020, the United Kingdom officially leaves the EU. This development has been considered in the publication from February 2020 onwards.*

- 13. *Commencing from January 2022, statistics on Exports of Halal Products by Commodity Classification is compiled from an integrated external trade database with list of Halal certified companies which obtained from the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM).*

14. **SEASONAL ADJUSTMENT**

Time-series data are very useful for economists, policy & decision makers and time-series analysts to identify the important features of economic series such as direction, turning point and consistency between other economic indicators. Sometimes this feature is difficult to observe because of seasonal movements. Thus, if the seasonal effect can be removed, the behaviour of the series would be better viewed. The estimation and removal of the seasonal effects is called seasonal adjustment.

Seasonal adjustment is a process to identify and to remove the regular within-a-year seasonal pattern, which may also include the influences of moving holidays and working / trading days effect in each period. The ultimate objective of the process is to highlight the underlying trends and short-term movements in the series.

In Malaysia, most of the time series data are affected by seasonal effects. Hence, to eliminate the seasonal effect as well as to seasonally adjust the Malaysian economic time series data, a standard seasonal adjustment package, X-12 ARIMA was used by Department of Statistics, Malaysia.

Malaysian economic time series data are often affected by major religious festivals such as Eid-ul Fitr of the Muslims, Chinese New Year of the Chinese and Deepavali of the Indians. These festivals' dates are fixed according to the lunar year but vary according to the Gregorian calendar. Therefore, to estimate and remove moving holiday effect from time-series data, a procedure was developed, namely Seasonal Adjustment for Malaysia (SEAM).

The SEAM method is used to remove seasonal effect for Malaysia's merchandise external trade data. The seasonal adjustment is carried out on monthly total exports and total imports. The seasonally adjusted series data for the preceding three years are revised each year when the figures for complete 12 months become available.

15. CLASSIFICATION BY BROAD ECONOMIC CATEGORIES (BEC)

- 15.1 *The BEC was originally devised mainly for the summarization of data on international trade by large economic classes of commodities. In addition, it was designed to serve as a means for converting external trade data compiled on the HS into end use categories that are meaningful within the framework of the System of National Accounts (SNA) namely capital goods, intermediate goods, and consumption goods. This aggregation permits external trade statistics to be considered jointly with other sets of general economic statistics such as national accounts and industrial statistics for national, regional or world level economic analysis.*
- 15.2 *The BEC includes nineteen basic categories. Each category of the BEC is defined in terms of divisions, groups, sub-groups and basic headings of HS. Each HS basic heading is allocated entirely to one BEC category. The allocation is done on the basis of the main end use of the commodities in each HS basic heading, although it is recognised that many commodities that are traded internationally may be put to a variety of uses.*
- 15.3 *The statistics in Table 16: Imports of Commodities by Broad Economic Categories Classifications are generated based on retained imports i.e. imports minus re-exports. The figure could be negative for a reference month if re-exports are higher than imports.*

16. CONFIDENTIALITY REQUIREMENTS

The trade data statistics have been compiled under the provisions of the **Statistics Act 1965 (Revised-1989)**. The Act stipulates that the contents of individual returns are **confidential**. In conformity with the said stipulation, only aggregated figures are published.

17. REVISION POLICY

Data for the current month is provisional and subject to revision until it is finalised. Revisions are made if there are additional information. Starting 2021, final data will be released by 7 (seven) months after reference year. Final external trade statistics for reference year 2021 was used from reference month June 2022.

18. ROUNDING

Sub-totals **may** not add up exactly to totals due to rounding.

19. SYMBOLS AND ABBREVIATIONS

-	: Not computed/No transactions
*	: Value less than RM500,000
x	: Less than 0.05 percent
N.E.S.	: Not elsewhere specified
A.F.T.A	: Asean Free Trade Area
C.B.U	: Completely Built-Up
C.K.D	: Completely Knocked Down
E.U	: European Union
E.F.T.A	: European Free Trade Area
L.A.I.A	: Latin American Integration Association
N.A.F.T.A.	: North American Free Trade Area
S.A.A.R.C.	: South Asian Association for Regional Co-operation
F.T.	: Federal Territory of

ISSN 1394-908X



9 771394 908005



@StatsMalaysia

